

Gereja perlu MENDENGAR

TAKHTA SUCI: Di atas segalanya, Gereja zaman kita mempunyai kewajiban untuk mendengar, dalam semangat pertobatan dan keinsafan... demikian antara kata-kata para peserta Sinode tentang Sinodaliti dalam sebuah surat yang ditujukan kepada “Umat Tuhan.”

Sidang Sinode Para Uskup menutup sesi pertamanya dan surat setebal dua setengah halaman yang diterbitkan pada Oktober 25 itu menceritakan semangat dan kegiatan sesi pertama sidang, yang diadakan di Vatikan pada Oktober 4-29 dan mengungkapkan harapan memungkinkan setiap orang berpartisipasi secara konkrit demi dinamisme persekutuan misionaris yang ditunjukkan dengan kata ‘sinode’ menjelang bahagian kedua sinode, Oktober 2024.

Meskipun surat tersebut tidak mengangkat topik atau pertanyaan spesifik yang akan dibahas dalam sesi sidang tahun hadapan – sebuah laporan sintesis yang mencerminkan hasil kerja sesi pertama telah diterbitkan pada Oktober 28.

Mendengar bermula dari yang termiskin

Surat untuk “Umat Tuhan” tersebut menyatakan bahawa “kemajuan” Gereja benar-benar perlu mendengarkan semua orang, dimulai dari yang termiskin.”

Gereja juga perlu mendengar orang awam, wanita dan lelaki, semuanya dipanggil kepada kekudusan berdasarkan panggilan pembaptisan mereka: mendengar kesaksian para katekis, yang adalah pemberita Injil yang pertama dalam kebanyakan situasi; kepada kesederhanaan dan keceriaan kanak-kanak, kehairahan remaja, mendengar soalan, rayuan dan impian mereka.

Gereja perlu mendengar keluarga, kebimbangan pendidikan mereka, kesaksian Kristian yang mereka tawarkan di dunia hari ini.

Gereja perlu mengalu-alukan suara mereka yang ingin terlibat dalam kerasulan awam dan mengambil bahagian dalam penelitian dan struktur membuat keputusan.

Mendengar mangsa penderaan

“Yang terpenting, Gereja pada zaman kita mempunyai kewajiban untuk mendengarkan, dalam semangat pertobatan, mereka yang telah menjadi mangsa penderaan yang dilakukan oleh anggota badan gerejawi dan harus berkomitmen secara konkrit dan struktural bagi memastikan hal ini tidak terjadi lagi.”

Untuk maju lebih jauh dalam pemaha-



Sri Paus Fransiskus (tengah) bergambar dengan para peserta Sinode Para Uskup di Dewan Paulus VI di Vatikan pada Oktober 23. (Gambar: Media Vatikan).

man sinode, Gereja khususnya perlu mengumpulkan lebih banyak lagi kata-kata dan pengalaman para pelayan-pelayan tertahbis: paderi, kolaborator utama para uskup, yang pelayanan sakramennya sangat diperlukan untuk kehidupan keseluruhan tubuh; dia-kon, yang, melalui pelayanan mereka, menandakan penjagaan seluruh Gereja untuk yang paling lemah.

Gereja juga perlu membenarkan dirinya dipersoalkan oleh suara nubuatan kehidupan yang disucikan, pengawal yang berjaga-jaga dari panggilan Roh.

Gereja juga perlu memberi perhatian kepada semua orang yang tidak seagama dengan imannya tetapi sedang mencari kebenaran, dan di dalamnya Roh, yang “menawarkan kepada setiap orang kemungkinan untuk dikaitkan dengan misteri Paskah ini” (*Gaudium et Spes* 22, 5).

Penyusunan surat tersebut telah disetujui oleh sidang sinode dan dibahas semasa sesi kerja kumpulan kecil dan di antara seluruh sidang pada Oktober 23, kata sekretariat jeneral sinode.

Pertemuan ini dimulai dengan menceritakan “pengalaman yang belum pernah terjadi sebelumnya” di mana lelaki dan wanita berpartisipasi dalam perbincangan dan menggunakan hak untuk bersuara dalam sidang

sinode berdasarkan pembaptisan mereka dan bukan berdasarkan pentahbisan.

Pertemuan tersebut, berlangsung di “dunia yang sedang krisis, yang terluka dan ketidaksetaraan yang menyakitkan di hati kami, lebih-lebih lagi sebahagian dari kami berasal dari negara-negara di mana perang sedang berkecamuk,” ujar sidang Sinode.

Surat itu juga menyoroti “keheningan yang signifikan” yang diseru oleh Sri Paus Fransiskus, yang dimaksudkan untuk “menumbuhkan saling mendengarkan dan keinginan persekutuan dalam Roh di antara kita.”

Pelayanan kasih yang tidak terbatas

Hari demi hari, kami merasakan panggilan yang mendesak untuk pertobatan pastoral dan misi. Kerana panggilan Gereja adalah untuk memberitakan Injil bukan dengan memberi tumpuan kepada dirinya sendiri, tetapi dengan meletakkan dirinya pada pelayanan kasih yang tidak terhingga yang dengannya Tuhan mengasihi dunia (*lihat Yohanes 3:16*). Apabila gelandangan berhampiran Dataran Sto Petrus ditanya tentang jangkaan mereka mengenai Gereja pada kesempatan sinode ini, mereka menjawab: “Cinta!”

Cinta ini mesti sentiasa menjadi hati Ger-

reja yang bersemangat, cinta Tritunggal dan Ekaristi, seperti yang diingatkan oleh Sri Paus pada Oktober 15, di tengah-tengah perhimpunan Sinode, memohon doa dari *Sta Therese of the Child Jesus*. “Kepercayaan” inilah yang memberikan kita keberanian dan kebebasan dalaman yang kita alami, tidak teragak-agak untuk secara bebas dan rendah hati menyatakan pertobatan, berani melakukan perbezaan, menyatakan keinginan dan persoalan kita.

Surat untuk umat Tuhan itu diakhiri dengan kata-kata: “Dunia di mana kita hidup, dan yang kita dipanggil untuk mengasihi dan melayani, walaupun terdapat cabaran dan percanggahan, menuntut agar Gereja diperkuat kerjasama dalam semua bidang misinya. Justeru jalan sinodal inilah yang Tuhan harapkan dari Gereja milenium ketiga” (*Sri Paus Fransiskus, Oktober 17, 2015*).

Kita tidak perlu takut untuk menjawab panggilan ini. Maria, Bonda Gereja, yang pertama dalam perjalanan, mengiringi ziarah kita.

Dalam sukacita dan dalam kesedihan, dia menunjukkan kepada kita Puteranya dan menjemput kita untuk percaya. Dan Dia, Yesus, adalah satu-satunya harapan kita! — *CNA/media Vatikan*

Fikiran jahat kita

Seseorang pernah bercanda bahawa kita menghabiskan separuh pertama hidup kita dengan bergelut dengan perintah keenam - *Jangan berzina* — manakala separuh kedua hidup kita bergelut dengan perintah kelima — *Jangan membunuh!* Ada kebenaran di sini yang patut diteliti.

Dibesarkan dalam budaya agama Katolik, ada penekanan berat pada perintah keenam. Seks dan isu yang berkaitan dengan seks adalah berdosa.

Semua seks di luar perkahwinan dilihat sebagai berdosa, begitu juga fantasi seksual. Jika anda melayan sebarang fantasi seksual, anda dikehendaki membuat pengakuan dosa kepada paderi.

Dalam perbendaharaan kata pada masa itu, 'seks' diistilahkan dan dikaitkan dengan fikiran-fikiran buruk.

Memandangkan sifat manusia dan hormon manusia, sudah pasti kebanyakan orang mempunyai "fikiran buruk".

Apabila saya semakin dewasa, saya mula percaya bahawa fantasi seksual (yang sebenarnya mempunyai unsur moral) bukanlah bahaya sebenar dan tidak semestinya tergolong dalam fikiran yang jahat.

Apabila kita semakin tua, fikiran buruk yang paling perlu kita akui lebih berkaitan dengan perintah lain, jangan membunuh.

Fikiran buruk yang paling memisahkan kita daripada cinta,

komuniti, dan meja jamuan mempunyai kaitan dengan siapa kita marah, dengan siapa kita mahu elakkan untuk berada dalam satu ruang atau tidak mahu semeja, siapa yang kita mahu balas dendam, yang tidak boleh kita maafkan, dan orang yang tenaganya tidak dapat kita berkati.

Henri Nouwen pernah menyatakan bahawa sebelum seseorang ditembak oleh pistol, seseorang ditembak dengan satu perkataan, dan sebelum seseorang ditembak oleh satu perkataan, seseorang ditembak oleh pemikiran misalnya pemikiran seperti berikut: *Macamlah dia bagus sangat! Saya benci dia! Saya tidak boleh sebilik dengan dia!*

Kita membunuh satu sama lain dalam pemikiran kita, dalam penilaian kita, dalam kebencian kita, dalam kecemburuan kita, dan dalam kita mengelak satu sama lain. Ini adalah pemikiran buruk yang paling perlu kita akui. Lebih-lebih lagi, ini adalah cara kasar di mana kita melanggar perintah yang menuntun kita agar tidak membunuh antara satu sama lain.

Kita mempunyai "fikiran buruk" dengan cara yang lebih halus. Kita membunuh antara satu sama lain apabila kita menikmati fantasi kemegahan, fantasi di mana kita adalah bintang terkenal, yang mempunyai piawai paling tinggi, yang lebih tinggi daripada orang lain, dan melihat orang lain kurang 'bernilai' dari-



pada diri sendiri.

Seperti fantasi seksual, fantasi ini juga datang kepada kita dengan kuasa yang menjadikannya sangat sukar untuk ditentang. Seperti fantasi seksual, ia memuaskan naluri kita.

Tetapi mengapa fantasi-fantasi ini salah? Apa salahnya berfantasi di mana kita adalah yang istimewa, seorang wira atau wirawati yang unik dan tidak sama seperti orang lain?

Pendek kata, fantasi-fantasi ini tidak salah. Tidak berdosa untuk menganggap diri anda istimewa — kerana anda memang istimewa! Tuhan menjadikan setiap orang unik dan istimewa, dan tidak salah untuk berfantasi tentang ini.

Lebih-lebih lagi, dalam sebahagian besar kehidupan kita, ia boleh menjadi penambah semangat dan sesuatu yang sihat.

Isu ini timbul di kemudian hari, apabila kita mencapai masa itu dalam hidup kita apabila kita perlu mula meneliti diri kita dengan lebih teliti dan berani berbanding perkara-perkara di dalam diri kita yang menjadi penghalang kepada pertumbuhan atau keyakinan diri kita.

Jangan biarkan Hindu atau Buddha mengatakan frasa ini, menjadi satu dengan segala-galanya, menghalang anda; kerana sama seperti kita, orang Kristian, kita akan membentuk hidup baharu di syurga — yang segala-galanya adalah Esa.

Oleh itu, walaupun fantasi-fantasi ini tidak salah, fantasi yang mendorong kita untuk berpaling atau memisahkan kita dari orang lain, dan fantasi yang membuatkan diri kita lebih istimewa daripada orang lain, pada akhirnya, merupakan penghalang kepada kesatuan dalam cinta di mana sahaja kita berada, penghalang kepada panggilan dan tujuan hidup kita.

Ada cara di mana kita membunuh orang lain tanpa perlu mengotorkan tangan, iaitu membunuh orang lain dalam fantasi kita!

Kita menghabiskan sebahagian besar hidup kita dengan bergelut dengan perintah keenam. Walau bagaimanapun, kebanyakan kita berakhir dengan perjuangan yang lebih besar dengan perintah kelima.

Perumpamaan Anak yang Hi-

lang dalam Injil menyoroti hal ini. Bapa (Tuhan) mempunyai dua anak lelaki dan dia berusaha untuk memasukkan mereka berdua ke dalam rumah (syurga).

Anak yang lebih muda, yang hilang, meninggalkan rumah kerana dia bergelut dengan perintah keenam.

Akhirnya walaupun dia kembali kepada bapanya dan masuk ke dalam rumah semula.

Si abang, yang meskipun tidak pernah meninggalkan rumah tetapi sebenarnya umpama berada di luar 'rumah bapanya.'

Anak yang sulung bergelut dengan sesuatu yang lain — kemarahan, kepahitan, cemburu, dan menghakimi.

Dia sedang bergelut dengan fikiran buruk. Dia membunuh adik lelakinya dalam fikiran jahatnya kerana dikuasai rasa cemburu dan kerana fantasinya beranggapan, dari segi moral, dia sangat unggul serta lebih baik daripada adiknya.

Patut diperhatikan bagaimana perumpamaan ini berakhir. Ia tidak berakhir dengan perayaan sukacita menyambut si adik lelaki yang kembali ke rumah Bapa.

Ia berakhir dengan bapa (Tuhan) yang berdiri di luar rumah dengan lembut dan penuh kasih sayang cuba memujuk anak lelakinya yang cemburu, kecewa, suka menghakimi agar tidak berfikir buruk. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Semasa di dunia, berikan pelayanan yang terbaik

Di dalam seluruh Injil menurut Matius kerap kali dinyatakan konflik di antara ajaran dan sikap kaum Farisi serta ahli-ahli Kitab dan Yesus.

Juga Injil hari ini membahas tugas, tanggungjawab dan sikap kaum Farisi, yang mengajar hal-hal keagamaan kepada orang-orang Yahudi, yang bertentangan antara ajaran yang diwartakan Yesus dan sikap-Nya sebagai Guru sejati.

Yesus menegaskan kepada pengikut-pengikut-Nya, khususnya mereka yang mewartakan ajaran-Nya, supaya jangan sampai mereka menjadi seperti rabi-rabi Farisi iaitu orang-orang yang mengajarkan hal-hal yang baik, tetapi tidak melakukannya sendiri.

Dalam pertemuan antara Yesus dan kaum Farisi dalam Injil Matius hari Minggu ini, terungkaplah kritikan Yesus terhadap kaum Farisi dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pembimbing keagamaan orang-orang Yahudi.

Ada empat kritikan Yesus terhadap mereka.

Kritikan pertama: Kaum Farisi tidak melakukan sendiri apa yang mereka ajarkan.

Kritikan ini juga dipanjangkan kepada setiap orang yang mengajarkan hal agama apapun!

Bagi sesiapa sahaja yang bertugas mengajarkan Khabar Gembira, mereka harus mengajarkan segala sesuatu yang diperintahkan Yesus dan menghayati serta mempraktikkannya dalam hidup sehari-hari.

Kritikan kedua: Yesus memang berkata: "Lakukanlah segala sesuatu yang mereka ajarkan kepadamu".

Tetapi kaum Farisi memutlakkan perintah atau hukum secara harfiah, bukan demi tujuan atau maknanya.

Kritikan terhadap Yesus misalnya menyembuhkan orang sakit, meskipun pada hari Sabat!

Padahal menolong orang sakit atau menolong orang dalam keadaan darurat apa pun, adalah mendesak dan harus diutamakan, ia lebih perlu dan baik daripada beribadat.

Yesus mengancam siapapun, yang memutlakkan hukum demi hukum semata-mata.

Seolah-olah hanya hukum atau polisi atau peraturan yang berkesan dan berkuasa membantu manusia.

Bagi Yesus, peraturan bukan-

lah tujuan melainkan sarana.

Kritikan ketiga: Kritikan Yesus ditujukan kepada hipokrisi atau kemunafikan.

Tentang kaum Farisi Yesus berkata: "Semua pekerjaan yang mereka lakukan bermaksud dan bertujuan supaya dilihat orang; mereka memakai tali sembahyang yang lebar dan jumbai yang panjang".

Dalam Mat 6:1-18 Yesus menegaskan, bahawa memberi sedekah atau dana, berdoa, berpuasa bukan untuk minta perhatian, agar dipuji atau dihormati ramai orang.

Kritikan keempat: Yesus juga menyebut soal gelaran dan kedudukan sebagai Rabi.

Murid-murid Yesus dilarang memakai gelaran "Rabi", bukan kerana sebutan itu salah, melainkan agar jangan digunakan bagi menjauhkan rasa tinggi diri/bongkak/berasa superior terhadap orang lain.

Hanya ada satu Peribadi yang berhak dan diakui layak disebut "Rabi", manakala yang lain adalah saudara dan saudari, yang saling mengasihi dan menghormati.

Demikian pula sebutan sebagai bapa. "Hanya satu Bapamu, iaitu Dia yang di syurga."

HARI MINGGU BIASA KE-31 TAHUN A

MAL 1:14B-2.6-10;

1 TESALONIKA 2: 7B-9.13;

INJIL MATIUS 23:1-12

Bukan dimaksudkan sebagai bapa secara biologi, melainkan sebagai suatu otoritas rohani. Memang tidak salah bahawa ada golongan umat dalam Gereja, yang disebut Bapa, *Father*, Bapa Uskup dan sebagainya.

Panggilan itu bukan dimaksudkan untuk menempatkan mereka itu secara terpisah dari umat lainnya sebagai pihak berkuasa, melainkan digunakan untuk memperdalam dan meneguhkan hubungan/relasi yang autentik serta utuh dalam komuniti Gereja.

Panggilan itu justeru bertujuan agar mereka yang menerima gelaran tersebut, semakin mampu memiliki rasa tanggung jawab, bekerja secara tekun dan teliti, dan menjadi pelayan-pelayan yang rendah hati, serta menyingkirkan hambatan hubungan yang ada di antara

kita satu sama lain.

Akhirnya Yesus menegaskan: "Sesiapa meninggikan diri, dia akan direndahkan, dan sesiapa merendahkan diri, dia akan ditinggikan."

Dengan demikian Yesus menegaskan, bahawa dalam tata nilai sebutan dan kedudukan setiap orang dalam komuniti Kristiani sejati adalah sebagai berikut: orang yang terbesar nilainya sebagai pemimpin ialah yang menjadi pelayan bagi semua orang.

Panggilan bagi Sri Paus juga berbunyi: *servus servorum* — hamba segala hamba!

Hanya orang yang melakukan atau mempraktikkan apa yang dikatakannya kepada orang lain, dialah Rabi dan Bapa yang sebenarnya. — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, imankatolik.com*

KUALA LUMPUR: Uskup Agung Kuala Lumpur mengadakan Perhimpunan Pastoral Keuskupan Agung (APA 2023) pada Oktober 14 lalu di Gereja daripada St. Francis of Assisi yang dihadiri 333 perwakilan terdiri daripada klerus, rohaniwan dan kaum awam.

Dalam ucaptamanya, Uskup Agung Julian Leow berkata APA 2023 ialah semakan pertengahan penggal PMPC IV (2016–2021), Sinode tentang Sinodaliti (2021–2023), dan ringkasan hasil penemuan Perhimpunan Pastoral Paroki daripada 30 paroki di keuskupan.

Menjelaskan tema, “Bina Semula Gereja Kita”, Uskup Agung Julian berkata, “Untuk membina semula bermakna ‘meruntuhkan dan membina semula.’”

Apabila tonggak kita lemah, kita perlu mereka bentuk semula dan membina semula agar kita dapat mempunyai struktur yang lebih tinggi. Prosesnya mungkin menyakitkan tetapi ia perlu jika kita mahu kemajuan, kata Uskup Agung Julian.

Prelatus itu menyatakan bahawa tema “Bina Semula Gereja Kita” bertujuan untuk berjalan bersama bagi membicarakan empat teras utama iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi dan Komuniti.

Uskup Agung Julian menyatakan situasi terkini Gereja: Pertama, orang sakit hati dan menuntut untuk didengari. Kedua; Harapan tinggi untuk para paderi sebagai *Sacerdos alter Christus* (Pastor ialah wakil Kristus) dan paderi harus bertindak dalam peribadi Kristus (dalam peribadi Kristus). Terdapat juga rungtan bahawa paderi tidak ada ketika diperlukan.

Uskup Agung Julian juga menerangkan bahawa keutamaan dan teras pastoral keuskupan telah berkembang sejak *Aggiornamento* 1976.

“Kita telah membuat refleksi mengenai situasi semasa dan melihat keperluan semasa kita dengan strategi serta cadangan untuk mencapai keutamaan-keutamaan tersebut.” Dia juga memberi amaran terhadap bahaya menyampaikan maklumat yang salah, teru-



tamanya dengan kemunculan kecerdasan buatan yang boleh menggantikan manusia.

Beliau menambah bahawa komunikasi sosial berkesan semasa pandemik Covid-19 di mana ia melangkaui sempadan geografi.

Fr Dominic Tan kemudian menjelaskan kepada para perwakilan bahawa kaedah *SEE-JUDGE-ACT* digunakan untuk membantu mengenal pasti simptom dan punca situasi kini.

Katanya kita perlu MELIHAT (*See*) dengan mata Kristus, HAKIM (*Judge*) dengan hati Kristus, dan BERTINDAK (*Act*) seperti Kristus.

Apabila melihat dengan mata Kristus, adalah penting untuk tidak bertindak berat sebelah demi kesejahteraan semua.

Ini adalah kaedah induktif yang bermula dari realiti, dan bertujuan untuk memahami realiti sosial, politik, ekonomi dan dimensi

budaya.

Menghakimi dengan hati Kristus adalah untuk menilai sebab bagi situasi sekarang menggunakan nilai kemanusiaan dan kerohanian. Ia berdasarkan dua dimensi iaitu analisis sosial dan refleksi teologi.

Fr Dominic berkata analisis sosial membantu kita mendapatkan lebih gambaran lengkap situasi sosial dengan meneroka sejarah dan hubungan struktur manakala refleksi teologi meneroka pengalaman serta analisis mendalam dialog dengan tradisi keagamaan Kitab Suci dan ajaran Sosial Gereja Katolik untuk mendapatkan gagasan serta makna.

Untuk bertindak seperti Kristus kita bertindak untuk mengubah keadaan yang tidak baik misalnya situasi tidak berperikemanusiaan dan situasi yang tidak adil. Apabila melakukan tindakan seperti Kristus, adalah penting untuk mengumpul maklumat (melihat), dan

menganalisis pembentukan dengan refleksi teologi (menghakimi) yang membawa kepada idea bagaimana kita boleh bertindak, mengubah keadaan dan menangani punca masalah atau situasi itu.

Fr Domini menegaskan bahawa matlamat kita adalah harus melakukan kehendak Tuhan dan mengubah realiti supaya lebih dekat kepada Kerajaan Tuhan.

Paderi itu menyatakan bahawa dosa adalah asas semua semua masalah, dan penawar dosa ialah rahmat Tuhan. Kita perlu mencari jalan untuk menjadikan rahmat yang dikurniakan oleh Tuhan ini bagi semua orang,” katanya.

Para perwakilan kemudiannya dibahagikan ke dalam kumpulan untuk melaksanakan Perbualan Rohani menggunakan kaedah *SEE JUDGE-ACT* tentang empat teras utama perhimpunan pastoral iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Tradisi mengunjungi kuburan

Pada Jumaat Agung, ramai orang Katolik, membersihkan kuburan keluarga. Kemudian pada malam Paskah, mereka meletakkan lilin di kuburan keluarga. Saya tertanya-tanya apa makna membersihkan kuburan dan memasang lilin? — Rhea Renee, Kuala Lumpur

Jawaban: Perayaan Trihari Suci: Khamis Putih, Jumaat Agung, dan Sabtu Suci adalah perayaan penting bagi umat Katolik.

Ini merupakan momen semua orang Katolik merenungkan erti menjadi orang Katolik kerana di sinilah puncak iman Katolik terjadi.

Ada beberapa kegiatan, ritus, dan tradisi yang dijalankan oleh umat Katolik sebagai ungkapan persiapan perayaan hari Paskah mengenangkan Kristus yang sengsara, wafat, dan bangkit untuk umat manusia.

Di pelbagai negara, ada tradisi yang berbeza-beza, terutama pada Jumaat Agung, yang salah satunya tradisi mengunjungi makan saudara dan saudara mereka yang telah meninggal dunia.

Tradisi berkunjung ke kuburan sanak saudara yang meninggal ini pada Jumaat Agung dan Vigil Paskah dapat dikatakan sebagai tradisi yang unik.

Tidak semua orang Katolik melakukan hal tersebut. Namun tradisi ini memberikan gambaran betapa orang Katolik sangat menghormati Jumaat Agung dan Vigil Paskah sebagai saat-saat penting dalam hidup Tuhan Yesus.

Mungkin, tradisi pergi ke kuburan pada Jumaat Agung agak aneh kerana pada umumnya orang Katolik pergi ke kuburan pada Hari Peringatan Arwah Orang Beriman yang dirayakan setiap November 2. Pada umumnya, pada hari itu, orang Katolik membersihkan kuburan, menabur bunga, dan juga merayakan Ekaristi.

Namun, meskipun berbeza, bilamana orang datang ke kuburan pada Jumaat Agung, tentu



memiliki makna yang tidak terlepas dari perayaan Jumaat Agung itu sendiri sebagai hari peringatan wafat Kristus, kemenangan-Nya atas dosa umat manusia dan makna malam Paskah ketika Gereja merayakan upacara cahaya sebagai rangkaian Perayaan Vigil Paskah.

Dengan demikian, pemahaman pertama mengapa umat beriman berkunjung ke kuburan adalah kerana pada hari Jumaat Agung dalam Tradisi Gereja adalah saat semua orang Katolik merenungkan makna perayaan tersebut, perayaan pengorbanan Tuhan Yesus bagi seluruh manusia.

Dan pada hari ini, Gereja juga merenungkan wafat Tuhan Yesus dengan penghormatan salib-Nya sebagai tanda cinta Tuhan yang memberikan diri secara total kepada manusia.

Jumaat Agung menjadi saat yang tepat dalam merenungkan pengharapan akan kasih Tuhan

kepada manusia dengan mengenang saudara-saudari yang meninggal.

Kunjungan ke kuburan termasuklah ungkapan atau tindakan membersihkan kuburan sebagai penghormatan pada saudara dan saudara mereka yang telah meninggal sekaligus menyatakan kasih sayang mereka.

Apalagi pada saat itu dengan pembersihan kuburan, mereka yang masih hidup diingatkan untuk melakukan introspeksi diri atas segala kesalahan yang telah dilakukan terhadap mereka sehingga dapat menjalankan kehidupan lebih baik lagi.

Kebiasaan memasang lilin pada Malam Paskah di kuburan keluarga sesungguhnya berasal dari gambaran malam Paskah itu sendiri di mana cahaya Kristus menerangi kegelapan.

Hal ini bagi orang Kristiani, pada saat perayaan malam Paskah, saat “umat memasuki gereja dengan prosesi dan diterangi hanya oleh cahaya Lilin Paskah hendak menggambarkan bagaimana putera-puteri Israel di malam dibimbing oleh tiang api, demikian pula orang-orang Kristian pada gilirannya mengikuti Kristus dalam kebangkitan-Nya” (Bdk. Perayaan Paskah dan Persiapannya, 86).

Ini menegaskan Lilin Paskah yang bernyala pada malam hari menggambarkan bahawa Kristus yang wafat kini bangkit dan memberikan pengharapan kepada semua orang akan kehidupan kekal. Maka tradisi pemasangan lilin di kuburan adalah sebagai harapan dan ungkapan orang beriman yang percaya bahawa Kristus telah menerangi kehidupan orang beriman dan kelak akan membangkitkan saudara-saudara yang telah meninggal seperti janji-Nya. — *Fr Yohanes Benny Suwito, formator teologi di Universiti Widya Mandala Surabaya, hidupkatolik.com*

Sahabat kecil Yesus

CARI PERKATAAN TERSEMBUNYI




D N F M U P E M I M P I N
 H I U Y T C D W Q P O B M
 T A U R A T J K C Z L O V
 H K E R U S I M U S A Z M
 G H A S L F A R I S I L O
 M E S I A S V C H I O P D
 M I T E R B E S A R X C L
 M E R E N D A H K A N R T
 R A B I U I B A D A T K L

Taurat
Farisi
Terbesar


Kerusi Musa
Pemimpin
Mesias

Ibadat
Merendahkan
Rabi

Lengkapkan simbol-simbol dalam Sakramen Pembaptisan



Sambungkan titik-titik dari no 1 hingga 65. Setelah siap, jangan lupa warnakan gambar ini.



LILIN PASKAH
MINYAK KRISMA

JANJI BAPTIS
AIR

Doa Kerahiman
Ilahi (Doa jam
3.00 petang)



Ya Yesus,
Engkau telah wafat,
namun sumber
kehidupan telah
memancar bagi jiwa-
jiwa,
Dan terbukalah lautan kerahiman bagi seluruh
dunia,
O Sumber kehidupan, Kerahiman ilahi
yang tak terselami,
Naungilah segenap dunia, dan curahkanlah
diri-Mu pada kami.
O, Darah dan Air, yang telah memancar dari Hati
Yesus, sebagai Sumber Kerahiman bagi kami,
Engkaulah andalanku!

Tuhan yang Kudus, Kudus dan berkuasa,
Kudus dan kekal, kasihanilah kami,
dan seluruh dunia ... 3x

Yesus, Raja Kerahiman Ilahi,
Engkaulah Andalanku.
Amen

Hello adik-adik,

Apa khabar? Injil pada Hari Minggu ini mengajak kita untuk bersikap dan bersemangat rendah hati, mampu mendengarkan dan melaksanakan dengan baik kehendak Tuhan yang meskipun, adakalanya sangat sukar malah bertentangan dengan kehendak adik-adik.

Apakah kehendak Tuhan dalam bacaan suci hari Minggu ini? Pertama, berhenti lah berbuat jahat! Tidak

hanya belajar berbuat baik tetapi harus mempraktikkan perbuatan baik!

Mungkin kita boleh bermula dengan perkara-perkara kecil misalnya senyum kepada jiran dan rakan-rakan kita, tidak bertanggung untuk melakukan tugas yang diberikan oleh ibu bapa adik-adik atau berkongsi mainan dengan adik beradik kita.

Kedua, kita juga diajak untuk menjadi pelayan Tuhan yang baik dan benar! Melayani Tuhan tidak se-

mestinya adik-adik menjadi pelayan Altar tetapi membantu keluarga dan orang-orang yang memerlukan.

Ketika kita membantu orang lain, jangan bersungut atau mahu terkenal tetapi lakukan itu kerana Yesus.

Selamat bersikap rendah hati! Selamat mendengarkan suara, rencana, kehendak Tuhan. Selamat berbuat baik dan jadilah pelayan Tuhan yang baik.

Antie Melly

BELIA MILENIUM

MIRI, Sarawak: *Teenagers' Rally* (dahulu dikenali sebagai *Youth Rally*) merupakan satu perhimpunan tahunan bagi golongan remaja untuk mengetahui lebih lanjut tentang kuasa, kebesaran dan keagungan Tuhan.

Ia dianjurkan oleh pasukan *Christ Teens*, yang secara aktif melibatkan golongan belia di Hotel Imperial, Miri, baru-baru ini.

Lebih 800 peserta dari pelbagai paroki di Keuskupan Miri menghadiri perhimpunan yang bertema *The Lord is My Refuge* (Tuhan adalah Pelindunganku).

Tema ini membawa erti penting kerana selepas perhimpunan pertama, negara dilanda pandemik yang meninggalkan impak berat terhadap kaum muda.

Fr Sylvester Ngau dan Fr Henry Saleh dari Paroki Katedral St Joseph, Miri menyampaikan pencerahan mendalam mengenai tema perhimpunan tersebut.

Perhimpunan tiga hari itu juga diisi dengan pelbagai katekesis misalnya *Life Behind My Mask* dan *'He'll Call On Me and I will answer Him'* oleh Fr Henry yang mengingatkan para peserta bahawa apa pun cabaran yang mendatang, "kita

Melayani Tuhan dengan kekuatan maksima



Salah satu sesi bersama Fr Henry.



Fr Sylvester mendoakan kesembuhan dan kekuatan untuk para peserta.

mesti ingat bahawa Yesus sentiasa ada di sisi kita, memegang tangan kita, melindungi kita daripada sebarang bahaya. Apabila kita memberikan kepercayaan kepada-Nya, kita akan mendapatkan kekuatan dan keberanian yang kita perlukan dalam hidup ini. Yesus adalah satu-satunya penyelamatan kita. Walaupun Tuhan memberikan kehendak bebas (*free will*) kepada umat manusia, Tuhan sentiasa sabar menunggu kita untuk menyambut jemputan-Nya kepada penyelamatan," kata Fr Henry, panjang lebar.

Dalam ceramah *'Selfless, not Selfie'* Fr Henry bercakap tentang kasih dan pelayanan. Paderi itu juga mengalu-alukan golongan muda untuk mempertimbangkan menjadi paderi atau religius.

"Setialah kepada Tuhan di mana sahaja anda berada sekarang, dengan mem-

berikan yang terbaik kepada-Nya" kata Fr Sylvester dalam sesinya, *Maximum Strength For God*.

Katanya, "kita harus memberikan kepada Tuhan diri kita sepenuhnya, sukacita dan kesedihan kita, kebimbangan dan keresahan kita, kemenangan dan kekecewaan kita. Pada setiap waktu, jadikan Tuhan yang pertama dan utama dalam hidup kita."

Beberapa aktiviti menyeronokkan turut diadakan misalnya Kuiz Alkitab, Kuiz Memori Kitab Suci dan pertandingan drama bertema belaskasihan Tuhan.

Acara selama tiga hari itu berakhir dengan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Sylvester bersama Fr Henry dan Fr Stephen Esguerra, seorang paderi pelawat dari Keuskupan Sandakan. — *Today's Catholic*

Panggilan bangun menjadi penginjil muda

BANGALORE, India: Hampir 18 ribu belia Yesus dari seluruh India menyertai Persidangan Kebangsaan *Jaago* pada Oktober 21-24, sebuah acara yang dianjurkan oleh Majlis Kebangsaan Belia Yesus India.

Berlangsung di sebuah universiti di Bangalore, persidangan itu menyaksikan pelbagai denominasi berkumpul untuk seminar, malam muzik yang meriah, bengkel dan pameran.

Mereka juga terlibat dalam perkongsian, kesaksian, perayaan Ekaristi dan Adorasi Sakramen Mahakudus.

Belia Yesus ialah sebuah Pergerakan Katolik Antarabangsa dengan Kerohanian Karismatik.

Pergerakan itu diiktiraf sebagai "Persatuan Persendirian Antarabangsa bagi Penganut Kristian Hak Kepausan" dengan dipantau oleh pegawai perundangan

yang diluluskan oleh Takhta Suci.

"Jaago Journey atau *Yatra* bermaksud 'Perjalanan'. Ia dimulakan oleh Kardinal Filipe Neri Ferrao, Uskup Agung Goa dan Damao, dan Presiden untuk Persidangan Uskup Katolik India (CCBI) yang juga melancarkan logo untuk "Jaago 2023" pada Perhimpunan Pleno CCBI ke-34.

Dalam usaha untuk menghidupkan semula semangat penginjilan Gereja Katolik di seluruh India, tema untuk persidangan itu ialah "Bangun. Menjangkau." Ia menggesa golongan muda untuk "bangun sebagai misionari dalam Kristus dan menyebarkan kasih."

Bagi merayakan *Jaago Yatra*, relik Sri Paus Santo Yohanes Paulus II dibawa mengembara ke seluruh Keuskupan Agung Bangalore dan diakhiri dengan persidangan. — **media Vatikan**



Relik Sri Paus Santo Yohanes Paulus II dibawa 'mengembara' ke seluruh Keuskupan Bangalore.

Setengah juta kanak-kanak berdoa berdoa rosari untuk Tanah Suci

VATIKAN: Di tengah-tengah perang Israel-Hamas, lebih dari setengah juta kanak-kanak di seluruh dunia berdoa Rosari untuk perdamaian.

Pada Oktober 18, lebih 500,000 kanak-kanak menyertai kempen doa rosari global tahunan yang dianjurkan oleh *Aid to the Church in Need* (ACN).

Sejak tahun 1947, ACN telah bekerja di bawah bimbingan Sri Paus untuk memberikan bantuan pastoral dan kemanusiaan kepada umat Katolik yang teraniaya di seluruh dunia.

Pada masa ini, ACN mengelola 5,000 projek di lebih 145 negara setiap tahun. Organisasi ini juga siap memberikan bantuan semasa terjadi bencana alam.

ACN melancarkan kempen doa rosari global tahun 2005, dan bekerjasama dengan shrine Fatima di Portugal, Jaringan Doa Sedunia Sri Paus, dan Kerasulan Dunia di Fatima.

Setiap tahun, keluarga, paroki, guru, dan katekis diundang untuk mengumpulkan kanak-kanak berdoa rosari, dan ACN menyediakan alat bantu bagi mempromosi kempen berdoa rosari serta memberikan panduan kepada para peserta.

Pada tahun ini, ACN mendedikasikan rosari tahunannya untuk “pemulihan dan perlindungan di Tanah Suci”.

Peperangan pada ketika ini menghalang ACN untuk membantu komuniti kecil Kristian di Tanah Suci, “tetapi kami siap untuk me-

lakukannya,” kata Edward Clancy, direktor penjangkauan pejabat ACN di Amerika Syarikat.

Clancy mengulangi seruan Sri Paus Fransiskus mengenai koridor kemanusiaan untuk pengiriman bantuan penting kepada umat Kristian di Gaza dan Tepi Barat.

Perang itu sendiri dipicu oleh Hamas pada Oktober 7 – bertepatan dengan Hari Sabat dan hari libur Yahudi – di sekitar 22 lokasi di Israel.

Menurut Israel, anggota Hamas menembak mati warga sivil dan menculik 199 orang, termasuk bayi, warga emas dan orang kurang upaya.

Israel menyatakan perang terhadap Hamas pada Oktober 8, menempatkan Gaza di bawah pengepungan dan menggempur wilayah terse-



but dengan serangan udara ketika Hamas membalas serangan.

Clancy mendesak para pendema dan teman-teman ACN “untuk berdoa bagi perdamaian dan

kesempatan untuk merawat mereka yang terluka dan mulai memulihkan kehidupan semua orang tak berdosa yang terperangkap dalam kekerasan.” — *ucanews.com*

Bapa Suci, Presiden Biden bicara konflik Israel-Gaza



Gambar oleh media Vatikan pada Oktober 29, 2021, pertemuan Sri Paus Fransiskus dengan Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden semasa persidangan G20.

‘Jalur Sinode’ dapat menciptakan perdamaian global

TAKHTA SUCI: Sinodaliti global yang melibatkan seluruh umat tetap menjadi satu-satunya cara untuk menegakkan keadilan dan perdamaian di dunia, melindungi alam ciptaan Tuhan dan mengakhiri meningkatnya kekerasan terhadap masyarakat adat, kata Kardinal Charles Maung Bo, uskup agung Yangon.

“Perjalanan iman kami di Asia bukannya tanpa kesukaran,” kata Kardinal Bo, ketua Federasi Konferensi para Uskup Asia (FABC) semasa memimpin Misa untuk para anggota sinode pada Oktober 23, di Basilika Santo Petrus, Vatikan.

Seramai 363 peserta dari seluruh dunia menyertai pertemuan pertama Sinode tentang Sinodaliti di Vatikan, di bawah kepemimpinan Sri Paus Fransiskus.

Secara rasmi disebut Sidang Umum Biasa Sinode Para Uskup ke-16, untuk pertama kalinya dihadiri oleh kaum awam, termasuk wanita.

Sesi pertama sinode dimulakan pada Oktober 4 dan dijadualkan berakhir pada Oktober 20. Sesi kedua dan terakhir sinode dijadualkan pada Oktober 2024.

“Pertemuan sinode ini membakar semangat kami untuk kembali ke



hari-hari besar evangelisasi yang pernah dilakukan para rasul,” kata Kardinal Bo dalam homilinya, menurut laporan *Eglises d’Asie* (Gereja di Asia) yang berpusat di Paris pada Oktober 24.

“Perjalanan sinode kami bertujuan menyembuhkan dan mendamaikan dunia dalam keadilan dan perdamaian. Satu-satunya cara menyelamatkan umat manusia dan mencipta dunia yang penuh harapan, keadilan, dan perdamaian adalah melalui sinodaliti global semua orang,” tambah Kardinal Bo. “Kami menyambut dengan optimisme akan seruan bagi Asia, yang terinspirasi oleh perjalanan sinode Gereja di seluruh dunia, untuk menjadi umat Kristian abad ke-21 bagi Kristus,” kata Kardinal Bo.

Kardinal Bo menyatakan hara-

ROMA: Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden dan Paus Sri Fransiskus berbicara melalui telefon pada Oktober 22 untuk membincangkan konflik di Israel dan Gaza dan mencari jalan menuju “perdamaian jangka panjang” di wilayah tersebut.

Menurut Rumah Putih, Biden dan Sri Paus Fransiskus berbicara tentang “perkembangan terkini di Israel dan Gaza.”

“Presiden mengecam serangan biadab Hamas terhadap warga sivil Israel dan menegaskan perlunya melindungi warga sivil di Gaza,”

kata siaran akhbar.

Kedua-dua pemimpin itu membincangkan “kunjungan presiden Amerika Syarikat baru-baru ini ke Israel dan usahanya untuk memastikan penghantaran makanan, ubat-ubatan dan bantuan kemanusiaan lainnya ke Gaza.”

“Mereka juga bercakap akan perlunya mencegah eskalasi konflik di kawasan itu dan mengusahakan perdamaian jangka panjang di Timur Tengah,” kata kenyataan akhbar Takhta Suci dan Rumah Putih.

Pejabat Akhbar Takhta Suci

mengatakan perbualan tersebut berlangsung sekitar 20 minit. Bapa Suci dan Presiden Biden berbicara tentang “situasi konflik di dunia dan keperluan mengidentifikasi jalan menuju perdamaian.”

Sebelumnya, semasa Doa Angelus hari Minggu di Dataran Santo Petrus, Sri Paus Fransiskus menyeru perdamaian di Tanah Suci. “Saya sangat prihatin, berduka,” katanya. “Saya berdoa dan saya dekat dengan semua orang yang menderita, para mangsa yang diculik, mereka yang cedera, para korban dan keluarga mereka.” — *media Vatikan*

Uskup meninggal dunia ketika bermain bola keranjang

LUZON, Filipina: Umat Katolik di Filipina berduka atas pemergian Uskup Tarlac, Msgr Enrique de Vera Macaraeg pada Oktober 23, di usia 67 tahun.

Uskup Enrique meninggal dunia akibat serangan jantung setelah pengsan semasa bermain bola keranjang di Malasaqui, sebuah wilayah di Pangasinan, menurut situs berita Konferensi para Uskup Katolik Filipina.

Beliau meninggal tujuh tahun setelah dilantik oleh Sri Paus Fransiskus menjadi uskup Tarlac pada tahun 2016.

Mendiang juga merupakan ketua Komisi Kerasulan Awam Konferensi para Uskup Katolik Filipina.

Sebuah video saat-saat terakhir wafatnya uskup itu menjadi viral di media sosial. Keuskupan Tarlac kemudiannya mengeluarkan kenyataan yang meminta semua orang untuk tidak menularkan video tersebut.

Uskup Enrique ditahbis menjadi paderi untuk Keuskupan Agung Lingayen-Dagupan tahun 1979.

Fr O’neal Sanchez, vikaris jeneral Keuskupan Tarlac, meminta umat Katolik untuk mendoakan mendiang uskup tersebut.

“Dengan duka dan kesedihan kami yang mendalam, kami meminta anda untuk terus berdoa agar be-



Mendiang Uskup Enrique Macaraeg.

liau beristirahat dengan damai,” kata Fr Sanchez dalam sebuah kenyataan.

Jenazah Uskup Enrique dibawa ke Katedral San Sebastian di Kota Tarlac.

Uskup Enrique merupakan uskup Filipina kedua yang meninggal tahun ini.

Uskup Gumaca, Msgr Victor Ocampo meninggal dunia pada hari ulang tahunnya ke-71 pada Mac 16 lalu, juga akibat serangan jantung, lapor Philstar.

Wafatnya Uskup Enrique, menyebabkan tujuh keuskupan di Filipina yang majoriti penduduknya beragama Katolik, tidak memiliki uskup kerana meninggal dunia semasa dalam pelayanan uskup sementara yang lain dipindahkan atau bersara. — *ucanews.com*

ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Iman dan kehidupan seharian tidak terpisah

ROMA, ITALI: Bagi mereka yang terdorong untuk berfikir bahawa iman dan kehidupan seharian tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain, Sri Paus Fransiskus memberitahu mereka — itu adalah tidak benar!

Hal ini dibiicarakan oleh Bapa Suci semasa menyampaikan renungan Angelus hari Minggu pada Oktober 22 lalu di Data-ran Sto Petrus.

Prelatus itu menyampaikan renungan menurut Injil Matius 22 yang menekankan bahawa kita adalah milik Tuhan dan bukan kuasa duniawi. Bacaan Injil menceritakan tentang orang Farisi yang bergabung dengan Herodian, “untuk memasang perangkap bagi Yesus.”

Mereka pergi kepada-Nya dan bertanya: “Adakah diperbolehkan membayar cukai kepada Kaisar, atau tidak?” (Mat 22:17).

Sudah tentu, ini adalah tipu muslihat: jika Yesus menghalalkan cukai, Dia meletakkan diri-Nya di pihak kuasa politik yang tidak disokong oleh rakyat, sedangkan jika Dia berkata tidak membayarnya, Dia boleh dituduh memberontak terhadap kerajaan.

Bagaimanapun, Yesus dapat mengalahkan mereka dari perangkap mereka dengan meminta mereka menunjukkan kepada-Nya sekeping syiling.

Syiling itu mempunyai imej Kaisar, dan Dia berkata kepada mereka: “Oleh itu, berikanlah kepada Kaisar apa yang menjadi milik Kaisar, dan kepada Tuhan apa yang menjadi milik Tuhan” (ayat 21).

Bapa Suci kemudian bertanya, “Apakah maksudnya?”



Gambar file: Sri Paus Fransiskus memberkati kanak-kanak semasa audiensi.

Iman dan kehidupan seharian tidak terpisah

Menurut Bapa Suci, kata-kata Yesus ini, telah menjadi “biasa” di mana hubungan antara Gereja dan Negara, Kristian dan ahli politik; selalunya ia ditafsirkan sebagai Yesus ingin memisahkan ‘Caesar’ daripada ‘Tuhan’, iaitu, duniawi daripada realiti rohani.”

“Ada kalanya kita juga berfikir dengan cara ini: iman dengan amalannya adalah satu perkara, dan kehidupan seharian adalah lain. Tidak. Anggapan ini adalah satu bentuk “skizofrenia”, seolah-olah iman tidak ada kaitan dengan kehidupan sebenar.”

Pada hakikatnya, Yesus mahu mem-

bantu kita meletakkan “Kaisar” dan “Tuhan” di tempat yang sepatutnya.

Jelas Sri Paus Fransiskus, Yesus menegaskan realiti asas: bahawa manusia adalah milik Tuhan: semua manusia dan setiap manusia.

Ini bermakna, kita bukan milik mana-mana realiti duniawi, kepada mana-mana “Caesar” dunia ini tetapi kita adalah milik Tuhan, dan kita tidak boleh menjadi hamba kepada mana-mana kuasa duniawi.”

Walaupun pada duit syiling, imej maharaja atau pemerintah boleh diukir, apa yang penting untuk diingat adalah bahawa kehidupan kita, telah “dicetak dengan imej Tuhan!” — *media Vatikan*

Mengajak domba sesat kembali ke Gereja

Tidak dinafikan, ramai umat Katolik tidak lagi ke Gereja kerana pelbagai alasan, dan ada yang tetap terpisah dari Gereja sehingga akhir hayat mereka.

Bagaimana untuk kita mengajak domba-domba sesat ini kembali ke pangkuan Bapa?

St Ambrose menyarankan bahawa kelembutan dan belas kasihan diperlukan untuk menyambut domba yang tersesat kembali ke Gereja.

Hal ini dapat memberi semangat bagi umat Katolik yang masih berada di dalam Gereja untuk mendorong mereka yang telah tidak lagi ke Gereja, untuk kembali ke Gereja.

Bagi Sto Ambrose, kunci utama dalam menyambut umat Katolik kembali ke dalam Gereja adalah memelihara semangat kelembutan dan belas kasih.

Berikut adalah cara yang dapat kita lakukan:

Jika tujuan tertinggi dari kebajikan adalah yang bertujuan untuk kemajuan paling banyak, kelembutan adalah yang paling indah dari semuanya, yang tidak menyakitkan bahkan mereka yang menjauhkan diri daripada Gereja, merasai mereka disayangi, diampuni dan tidak diabaikan.

Terlebih lagi, itu adalah satu-satunya kebajikan yang telah menyebabkan peningkatan Gereja yang dicari Tuhan dengan harga Darah-Nya sendiri, menurut cinta kasih syurga, dan bertujuan untuk penebusan semua, mencari tujuan ini



dengan kelembutan yang telinga manusia dapat bertahan, di hadapannya hati mereka tidak tenggelam, dan semangat mereka tidak bergetar.

Jangan Menakut-nakutkan

Jika kita ingin membawa orang lain kembali ke Gereja, kita harus melakukannya dengan mewartakan kebenaran dengan belas kasih, bukan dengan pendapat yang keras, tegas dan sombong.

Kerana itu mintalah belas kasihan Tuhan Yesus kepada kita untuk memanggil

kita kepada diri-Nya, bukan menakut-nakutkan domba-domba yang sesat itu.

Wartakan kepada mereka bahawa Yesus menanti mereka dengan lemah lembut, Dia datang dalam kerendahan hati, dan kerana itu Dia berkata:

“Datanglah kepada-Ku, kamu semua yang berjerih lelah dan berbeban berat, dan Aku akan menyegarkan kamu.” (Matius 11:28).

Tuhan Yesus menyegarkan, dan tidak menutup atau membuang, dan dengan tepat memilih murid-murid yang harus menjadi penafsir kehendak Tuhan, yang bersatu, berbelas kasihan dan tidak mengusir umat Tuhan.

Sto Ambrose juga mencadangkan agar kita memiliki semangat belas kasih dan kelembutan ketika berbicara dengan orang lain tentang iman Katolik, menunjukkan kepada mereka keindahan Katolik.

Sto Ambrose berkata, “Anda menangkap lebih banyak lalat dengan madu daripada dengan cuka.” Maksudnya kata-kata lembut, tidak sombong, tidak menakutkan dapat menarik hati domba yang sesat untuk kembali ke Gereja berbanding kata-kata tegas dan mengancam.

Menceritakan mereka akan kebenaran dengan belas kasih, menunjukkan kepada orang lain kebebasan dan kedamaian yang ditawarkan dalam Sakramen pengakuan dosa, akan menarik lebih dari sekadar teguran keras. — *Aleteia*

PENULIS BERKICAU

Jika ada pilihan, pilihlah damai ...

Seorang kanak-kanak yang berpeluang bertanya satu soalan untuk Sri Paus Fransiskus, mengemukakan soalan ini: “Mengapa ada peperangan?”

Sri Paus menjawab soalan kanak-kanak yang bernama Dario, 10 seperti berikut: peperangan sering timbul apabila orang dewasa tunduk kepada godaan mementingkan diri sendiri, kuasa, dan wang.

Seperti yang kita telah maklum, pergolakan antara Palestin dan Israel telah mengorbankan nyawa ribuan orang tidak bersalah.

Selama 75 tahun yang lalu, konflik Israel-Palestin tidak pernah dapat diselesaikan oleh negarawan, diplomat dan aktivis dari semua lapisan untuk mencari penyelesaian.

Di Malaysia, banyak pihak yang mengadakan perhimpunan dan acara bersolidariti dengan Palestin. Semoga perhimpunan, acara dan demonstrasi ini tidak dipesongkan dengan membesarkan isu lain.

Kita harus menyedari bahawa isu Palestin ialah isu kemanusiaan antarabangsa bukan agama. Ia adalah isu sejagat tanpa mengira status agama, bangsa dan negara.

Ada pihak yang cuba memesongkan fakta bahawa isu Palestin yang bermula sejak 1948 lalu adalah penindasan agama Islam tetapi sebenarnya ia lebih kepada permasalahan kemanusiaan global dan tiada kena mengena dengan penindasan umat Islam semata-mata.

Penduduk Palestin termasuk yang beragama Kristian sendiri turut menderita kerana hak mereka untuk bebas menduduki tanah air itu lebih 70 tahun telah dinafikan.

Apa yang dapat kita lakukan sebagai umat Kristian? Seorang kardinal Yerusalem mengatakan, “Perkara penting yang dapat kita lakukan sebagai umat Kristian pada masa sekarang ialah: berdoa, melakukan penintensi dan berdoa syafaat.”

Sri Paus Fransiskus yang menganjurkan Hari Doa, Puasa dan Penintensi untuk damai pada Oktober 27 lalu berkata: Saya sering mengingati situasi buruk di Palestin dan Israel. Saya menggalakkan pembebasan tebusan dan kemasukan bantuan kemanusiaan di Gaza. Saya terus berdoa untuk mereka yang menderita, dan mengharapkan kedamaian di Timur Tengah, di Ukraine dan kawasan lain yang dilanda perang.

Patriak Kardinal Yerusalem, Pierbattista Pizzaballa Pier dalam suratnya kepada umat di Keuskupan Yerusalem, bertarikh Oktober 24, menulis: Umat Kristian, pada masa krisis harus bersumber dan bermula berulang kali dari Injil, bersatu dengan Yesus pada masa yang cemas ini.

Prelatus itu dengan tegas mengutuk “kekejaman” yang berlaku sejak Oktober 7 bahawa keganasan tidak serasi dengan Injil dan tidak pernah membawa keamanan.

“Hati orang Kristian dipenuhi dengan kedamaian, kerana Yesus mengalahkan kejahatan di Kayu Salib, bukan dengan senjata, bukan dengan kuasa politik, bukan dengan cara yang hebat, atau dengan memaksakan diri-Nya tetapi dengan KASIH. Dan kasih memerlukan keberanian yang besar!”

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Perhimpunan pastoral Keuskupan Melaka Johor

JOHOR BAHRU: Perhimpunan Pastoral Keuskupan Melaka Johor 2023 (DPA) yang menghimpunkan para klerus, religius dan awam telah diadakan pada Oktober 14 lalu di Pusat MAJODI.

DPA diadakan selepas perhimpunan pastoral vikariat dan ia adalah langkah penentu yang penting perjalanan menuju Malaysia Pastoral Convention (MPC) 2026.

Justeru, ia memberi peluang kepada para peserta untuk bertindak balas terhadap penemuan perhimpunan pastoral peringkat vikariat yang lalu.

Matlamat DPA adalah untuk menguatkan umat Berjalan Bersama dalam Semangat Perpaduan, Partisipasi dan Misi bagi menyumbang memperkukuhkan empat perkara penting iaitu: Keluarga, Gereja, Ekologi dan Komuniti di Keuskupan Melaka Johor.

Fr Dr Lawrence Ng, mengendalikannya DPA bersama tiga fasilitator panel iaitu Sr. Shanti Mariadass, Fr Cyril Mannayagam paderi paroki Gereja St Theresa, Masai dan Msgr Peter Ng, paderi paroki Gereja St. Louis.

Prosiding dimulakan dengan pembentangan ringkasan hasil penemuan Perhimpunan Pastoral Vikariat. Masa sepuluh minit untuk hening bagi memberi masa kepada peserta untuk berdoa dan merenung apa yang disampaikan.

Forum terbuka memberi peluang kepada para peserta untuk berkongsi pendapat, mengulas dan bertanya soalan.

Kaedah ini digunakan untuk semua empat perkara iaitu Keluarga, Gereja, Ekologi dan Komuniti.

Keluarga

Responden pertama, Fr Paul Sia, menyatakan, Gereja amat sedar cabaran yang dihadapi oleh keluarga hari ini bukan lagi tradisional tetapi akibat media sosial.

Diakon Dr Leslie Peter, dari Gereja St Joseph, Plentong mengulangi bahawa persediaan sebelum perkahwinan dapat membantu dasar kukuh kehidupan keluarga.

Seorang peserta, Lawrence Nulhon Jos, dari Gereja Hati Maria yang Tak Bernoda, Pontian mengulas, "Formasi selepas perkahwinan memberi saya masa untuk meluangkan masa dengan Tuhan dan isteri saya. Ini menguatkan ikatan perkahwinan saya dan menambah iman bagi saya mewariskannya kepada anak-anak saya."

Gereja

Beberapa perkara yang dikemukakan semasa forum terbuka seperti menggunakan bahasa kebangsaan, Bahasa Melayu digunakan lebih meluas untuk mengajar dan mendidik agama, seruan bekerjasama



dan kolaborasi, sistem pengangkutan untuk mengambil dan menghantar pulang pelajar, pasangan muda dan pendatang ke Gereja dan pemakaian cassock bagi paderi di luar Gereja.

Responden pertama, Msgr Michcel Mannayagam, paderi paroki Gereja Keluarga Suci, Ulu Tiram, mengingatkan peserta bahawa, "kita adalah umat Tuhan dan bagaimana Gereja kita adalah manusia dan ilahi."

"Kita sedang melalui satu proses, dan dalam hal ini, kita perlu datang bersama-sama dengan bakat yang dikarunia kepada kita untuk membangun Gereja."

Ekologi

Fr Paul Wong, paderi paroki St Philip, Segamat, adalah yang pertama

bertindak balas terhadap isu Ekologi.

Fr Paul menegaskan, "Ensiklik Pope Francis, *Laudato Si*, bukan sekadar slogan tetapi gaya atau cara hidup."

Responden kedua Dr Maria Lee, Ketua Komisi Keadilan Penciptaan Keuskupan Melaka Johor (CJC-MJD) menjelaskan bahawa bumi kita sedang mengalami demam dan demam itu semakin meningkat ke peringkat bahaya dan tidak boleh didiami.

Komuniti

Responden pertama gembira mengetahui bahawa rakyat Malaysia sebagai sebuah masyarakat adalah rakyat yang cintakan keamanan. Bahawa kita akan memilih perbincangan dan diplomasi daripada konfrontasi dan

keganasan

Responden kedua, Fr Martinian Lee, paderi paroki gereja Gereja Holy Family, Ulu Tiram menawarkan nasihat yang sangat baik mengenai transformasi sebenar adalah mengambil masa dan umat perlu bersabar.

Katanya, "kita boleh bekerja perlahan-lahan tetapi kita mesti bekerja dengan tujuan, kita boleh berjalan bersama meskipun adakalanya kita tidak sependapat dan mempunyai konflik. Sentiasalah bersabar. Jangan biarkan ketakutan memesongkan realiti dan mengaburi iman anda."

DPA diakhiri dengan perayaan Misa yang dipimpin oleh Uskup Bernard Paul, bersama Msgr Michcel Mannayagam, Fr Peter Ng serta Diakon Dr Peter membantu.

Program keluarga berdasarkan dokumen Bapa Suci

KUNAK, Lahad Datu: Komiti Pelayanan Hidup Keluarga St Peter, Kunak dengan kerjasama Komisi Pelayanan Hidup Keluarga Keuskupan Sandakan dan Kementerian Pembangunan Masyarakat telah menganjurkan program "Sukacita dalam Kasih Keluarga" (SDKK) baru-baru ini.

Program ini melibatkan paroki St Dominic Lahad Datu dan empat stasi lain iaitu St Peter Kunak, St Angeline Madai, Divine Mercy Sapang dan St Joseph Baturong.

Seramai 161 orang peserta yang terdiri daripada ibu dan bapa, remaja serta kanak-kanak menyertai program yang diadakan selama dua hari ini.

Tujuan program Sukacita dalam Kasih Keluarga ini adalah untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa dan anak-anak mereka tentang peranan masing-masing agar saling menghargai, menyemai sikap saling mengasihi, menghormati, memupuk sikap berkomunikasi dengan lebih terbuka serta sikap percaya di



Kanak-kanak gembira melakukan aktiviti mewarna dalam SDKK.

dalam keluarga.

SDKK ini diilhamkan daripada dokumen Sri Paus Fransiskus "Sukacita Kasih" (*Amoris Laetitia*).

Para peserta juga didedahkan dengan enam topik utama iaitu "Komunikasi dalam Keluarga"; "Ketagihan substansi dan gajet: kesannya kepada keluarga"; "Cabaran Keluargaku"; "Memahami Keluargaku"; "Keibubapaan Cemerlang"; "Perdamaian dan 'Keluarga adalah Anugerah dan Bukan Masalah'".

Pembentangan dari sebuah kumpulan remaja menyentuh hati para peserta apabila mereka membicarakan

masalah "Komunikasi dalam Keluarga" yang berpunca dari ibu bapa yang leka dengan gajet mereka sehingga kurang memberi perhatian kepada anak-anak.

Sesi terakhir, "Keluarga adalah Anugerah dan Bukan Masalah" disampaikan oleh Fr Stanley William Matakim menegaskan masalah keluarga bermula dan tidak bahagia apabila sebuah keluarga tidak menghormati ajaran Gereja. Oleh itu paderi itu menasihati keluarga agar selalu merayakan Ekaristi, berdoa bersama dan selalu membaca Kitab Suci. — Nancy Ola

Mengenali ketagihan dan intervensi berkesan

KUALA LUMPUR: Pelayanan Kesihatan Mental Keuskupan Agung Kuala Lumpur menganjurkan webinar melalui aplikasi Zoom tentang "Apa itu Ketagihan dan Bagaimana untuk membantu?" pada Oktober 7.

Ketagihan adalah isu kompleks yang telah lama wujud dan sering menjadi perdebatan: Adakah ia masalah pilihan atau penyakit?

Salah faham tentang ketagihan meninggalkan kesan stigma. Maka penting untuk membongkar mitos-mitos tersebut.

Ketagihan bukanlah tanda kegagalan moral atau tidak ada semangat kemahuan, sebaliknya ia adalah faktor-faktor rumit interaksinya genetik, alam sekitar dan faktor neurologi. Ketagihan tidak terhad kepada bahan seperti dadah dan alkohol. Ia juga merangkumi ketagihan tingkah laku seperti perjudian, Internet dan games.

Tingkah laku kompulsif ini dipengaruhi oleh perubahan dalam tahap hormon dopamin

dalam otak seseorang.

Walaupun ketagihan boleh mengganggu kualiti hidup seseorang, berita baiknya ialah — gangguan itu telah terbukti boleh dirawat dengan intervensi yang betul dan rawatan jangka panjang.

Mengatasi ketagihan memerlukan masa kerana ia bukan pembetulan satu kali tetapi proses sepanjang hayat.

Pelan rawatan berbeza-beza bergantung kepada betapa teruknya keadaan mereka. Ketagihan tidak boleh diselesaikan hanya dengan ubat-ubatan; fikiran dan tingkah laku mereka perlu dilatih serta dipasang semula untuk meningkatkan kawalan diri.

Selain itu, dengan menghapuskan salah faham, mengenali pelbagai bentuk ketagihan, menangani bagaimana ia memberi kesan kepada membuat keputusan, dan menggunakan gabungan intervensi, kita boleh membantu individu membebaskan diri daripada kitaran ketagihan.